

# Mahathir disifatkan pemimpin terkemuka di Asia

UM 30 SEP 1982

**N**EW YORK 29 Sept. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini disifatkan sebagai salah seorang pemimpin terkemuka yang baru muncul di Asia.

Presiden Majlis Bagi Hubungan Luar, Encik Winston Lord mensifatkan demikian dalam ucapan alu-aluan di majlis makan tengah hari bagi meraikan Perdana Menteri yang dihadiri oleh seramai 47 orang tokoh terkemuka dan berpengaruh di Amerika Syarikat, di sini hari ini.

Majlis makan tengah hari itu dianjurkan bersama oleh Persatuan Asia dan Majlis Bagi Hubungan Luar — dan badan yang terlibat dalam merangka dasar luar Amerika Syarikat dengan negara-negara Asia.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah menyampaikan ucapan bertemakan 'Pendekatan serantau ke arah kestabilan' yang antara lain mengkritik penguasaan politik Barat terhadap negara-negara yang baru merdeka, ASEAN sebagai satu konsep kerjasama serantau yang boleh dicontohi oleh lain-lain kumpulan serantau.

Ucapan beliau diikuti dengan dialog tertutup di mana Perdana Menteri telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh ahli-ahli kedua badan tersebut.

Difahamkan antara yang ditimbulkan termasuk konsep 'pandang ke Timur' yang diusahakan oleh Malaysia sekarang ini.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Hal Ehwal Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Zain Azraai.

Hadir sama ialah Penolong Setiausaha Negara Bagi Hal Ehwal Timur Jauh Asia dan Pasifik, Encik John Holdbridge, Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia, Encik Ronald Palmer.

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menghadapi masa yang sibuk dan penting di hari kedua lawatannya ke New York.

Sibuk kerana jadual lawatannya bermula jam 9 pagi dan berakhir lebih 12 jam kemudian di sebelah malam.

Penting kerana antara acara lawatannya di hari kedua termasuk: Pertemuan 'empat mata' dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Encik Javier Perez De Cuellar dan ucapan di majlis

makan tengah hari anjuran bersama Persatuan Asia dan Majlis Bagi Hubungan Luar.

Perdana Menteri menghabiskan masa hampir satu jam melawat dan mendengar taklimat di pejabat wakil tetap Malaysia ke Bangsa-Bangsa Bersatu serta beramah mesra dengan kakitangan di situ, di sebelah paginya.

Ini diikuti dengan pertemuan hati ke hati dengan Encik Perez De Cuellar di bangunan Sekretariat PBB selama kira-kira setengah jam yang disifatkan sangat penting dan bersejarah.

Inilah pertemuan kali pertama antara kedua tokoh itu sejak mereka menjawat jawatan masing-masing — Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri dan Encik Perez sebagai Setiausaha Agung PBB tahun lalu.

Kermpatan yang terbuka sudah pasti digunakan oleh kedua tokoh itu untuk mengenali satu sama lain dari dekat di samping Datuk Sri Dr. Mahathir berpeluang menggariskan secara kasar (kerana tidak banyak yang dapat diterangkan dalam setengah jam) matlamat Malaysia termasuk kerjasama serantau melalui ASEAN dan isu Kampuchea.

Pada sebelah tengah hari Datuk Sri Dr. Mahathir berucap di makan tengah hari yang boleh disifatkan sangat penting.

Ini kerana persatuan yang menganjurkan majlis itu merupakan dua buah badan 'eksklusif' — Persatuan Asia dianggotai oleh tokoh-tokoh terkemuka dari multi-nationals, penerbit, para penyelidik dan ahli-ahli politik sementara Majlis Bagi Hubungan Luar dianggotai oleh tokoh pentadbir dan para diplomat Amerika.

Majlis Bagi Hubungan Luar juga merupakan badan pembuat dasar luar Amerika dan sudah pasti ucapan Perdana Menteri yang bertemakan 'Pendekatan serantau terhadap kestabilan' dapat memberi gambaran lebih jelas kepada ahli-ahli kedua badan itu mengenai matlamat dan pendirian Malaysia termasuk konsep 'pandang ke Timur' serta konsep kerjasama serantau.

Kandungan ucapan Perdana Menteri serta jawapan-jawapan yang diberikannya semasa soal jawab di majlis tersebut pasti akan menjadi renungan yang sangat berguna kepada tokoh-tokoh Amerika yang hadir di majlis itu.

Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa maklumat yang diterima secara 'first hand' adalah lebih berfaedah bagi kedua belah pihak dari pengetahuan yang diasaskan pada maklumat melalui orang kedua, ketiga atau pun melalui laporan-laporan akhbar.

Datin Dr. Siti Hasmah juga tidak kurang sibuk dengan aturcara lawatan berasingan termasuk pertemuan mesra dengan para isteri dan kakitangan wanita perwakilan Malaysia di New York dan sebelah petang menghadiri jamuan teh diberi oleh isteri Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Puan Shultz.